



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP**

## **TEKS UCAPAN**

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
TIMBALAN MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**

**MAJLIS PELANCARAN  
FIESTA FOOD TRUCK RAHMAH  
NEGERI JOHOR**

**10 MAC 2023 (JUMAAT)  
3.00 PETANG**

**PADANG A, ANGSANA JOHOR BAHRU MALL  
JOHOR BAHRU**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

***Assalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh  
and Salam Malaysia Madani,***

Yang Berhormat Tuan Lee Ting Han, Pengerusi Jawatankuasa  
Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor

**Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin, Timbalan Ketua  
Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri), KPDN**

**Yang Berbahagia Datin Roszanina binti Wahab, Timbalan  
Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna), KPDN**

**Yang Berbahagia Datuk Azman Bin Adam, Ketua Pengarah  
Bahagian Penguatkuasa, KPDN**

**Yang Berusaha Puan Lilis Saslinda binti Pornomo,**  
Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos  
Sara Hidup (KPDN) Negeri Johor;

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian;

Rakan- Rakan Strategik KPDN; dan

Rakan-Rakan Media yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama pada petang ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Fiesta Food Truck Rahmah Negeri Johor**.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO dan seluruh warga kerja KPDN di atas inisiatif yang baik ini.
3. Terima kasih juga kepada seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri Johor, Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Gemilang Melayu Johor atas sokongan dan kerjasama yang diberikan bagi menjayakan satu lagi agenda Menu Rahmah di Negeri Johor ini.

## **INISIATIF MENU RAHMAH**

Hadirin yang saya kasihi,

4. Inisiatif Payung Rahmah yang telah diperkenalkan pada awal bulan Januari 2023 merangkumi lima (5) inisiatif iaitu Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Menu Rahmah, Pakej Rahmah Dan Kafe Rahmah. Alhamdulillah dalam waktu terdekat di bawah pentadbiran Kerajaan Madani, KPDN telah melaksanakan gerak kerja dalam memastikan agenda Payung Rahmah direalisasikan dengan sokongan dan kerjasama pemain industri dan rakan-rakan strategik KPDN di bawah sektor peruncitan.
5. Inisiatif Menu RAHMAH bukan sahaja memfokuskan kepada golongan bersasar kategori B40 ataupun pelajar-pelajar pengajian tinggi, ianya adalah hidangan untuk semua....*Rahmah for all*, Rahmah untuk semua.
6. Semenjak Inisiatif Menu Rahmah telah dilancarkan pada 31 Januari 2023 yang lalu, inisiatif ini terus mendapat sambutan yang baik daripada pihak pengusaha makanan dan rakyat.
7. Baru-baru ini, lebih banyak syarikat-syarikat besar turut menyahut usaha Kerajaan dengan menyediakan Menu RAHMAH dalam pakej tawaran mereka dan antaranya ialah

Burger King, Marrybrown, Old Town White Coffee dan yang terbaru adalah McDonald.

Hadirin yang saya kasihi,

8. Setakat 6 Mac 2023 ini, sejumlah **1,191** premis restoran, kedai makan, gerai makan di seluruh negeri Johor menawarkan set makanan dan minuman Menu Rahmah yang bernilai RM 5.00 ke bawah. Rakyat Johor boleh menyemak maklumat premis Menu Rahmah pada Portal **menurahmah.kpdn.gov.my** ini.
9. Saya juga difahamkan dan berasa sangat berbangga dengan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Gemilang Melayu Johor (Gemilang Johor) hari ini bersama 50 pengusaha Food Truck Negeri Johor yang turut menawarkan Menu Rahmah dengan pelbagai set tawaran makanan dan minuman dan antaranya adalah Nasi Goreng Crabstik, Meatbola, Mee Rebus, Laksa Penang dan lain-lain lagi.
10. Terima kasih tidak terhingga kepada semua peniaga/ penjaja Food Truck Negeri Johor yang menyokong usaha Kerajaan bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat. Tahniah sekali lagi!. Saya berharap inisiatif Menu Rahmah Food Truck ini akan berterusan bagi satu jangka masa panjang

dan akan disahut baik oleh rakan-rakan Food Truck yang lain pada masa akan datang.

11. Pada hari ini, saya dimaklumkan KPDN Johor dengan kerjasama Pasaraya Econsave Cash & Carry akan mengadakan **Jualan Rahmah** dan jualan ini akan diadakan selama 3 hari bermula pada hari ini sehingga 12 Mac 2023 dari pukul 10.00 pagi hingga 6.00 petang. **Lebih 30 item barangan keperluan harian dan asas seperti ayam, beras, telur, bawang, sayur-sayuran dan sebagainya boleh diperolehi pada harga diskaun 10% hingga 30% berbanding harga pasaran semasa.** Tawaran harga barangan keperluan harian ditawarkan pada **harga yang paling istimewa buat warga Johor.**

12. Pada masa yang sama, saya ingin memaklumkan **Kerajaan juga telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan sebanyak RM11,500 sebagai insentif RM30 kepada peniaga dan RM20 kepada pengguna secara tanpa tunai (ewallet)** untuk memberi motivasi kepada peniaga dan pengguna untuk beralih ke platform digital di samping akan melonjakkan lagi penggunaan e-wallet sepenuhnya dengan menambahkan mod pembayaran. Ini merupakan salah satu program di bawah KPDN iaitu inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI).

13. Tidak tamat disitu, saya juga difahamkan bahawa sepanjang 3 hari program ini berlangsung terdapat pelbagai aktiviti dan advokasi kepenggunaan juga turut dijalankan oleh KPDN Negeri Johor khususnya untuk warga tempatan disini. Alhamdulillah.....

## **PENUTUP**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

14. Marilah kita bersama-sama **bersatu hati dalam mendepani cabaran pada hari ini dengan semangat Malaysia MADANI** untuk mempertingkatkan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan rakyat serta negara yang tercinta ini.

15. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya supaya program yang dilaksanakan oleh Pejabat KPDN Negeri Johor pada hari ini dapat memberi manfaat kepada semua dan program seperti ini boleh dianjurkan lagi pada tahun yang akan datang.

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya merasmikan **MAJLIS PERASMIAN FIESTA FOOD TRUCK RAHMAH NEGERI JOHOR.**

17. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.